

JPT gugur 38 program akademik



Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) menggugurkan 38 program akademik, kebanyakannya Sains dan Kejuruteraan peringkat Sarjana Muda dan Sarjana di 19 universiti awam kerana tidak lagi relevan dengan keperluan semasa industri dan menjanjikan peluang pekerjaan kepada graduan. Sekurang-kurangnya, dua program pengajian tidak lagi ditawarkan universiti terbabit dan beberapa lagi dijangka distruktur semula

Laporan Ilah Hafiz Aziz Muka 3

Eksklusif



38 program pengajian tak relevan digugur

Langkah bagi pastikan siswa lepasan UA peroleh pekerjaan setimpal

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 38 program akademik di 19 universiti awam (UA) seluruh negara digugurkan kerana dilihat tidak lagi relevan dengan perkembangan semasa dan masa depan.

Difahamkan, keputusan itu dibuat kerana bidang pengajian pada peringkat sarjana dan sarjana muda terbabit, tidak menjanjikan peluang pekerjaan terbaik kepada graduan sejajar permintaan semasa industri.

Daripada 19 UA, setiap universiti menggugurkan sekurang-kurangnya dua kursus pengajian dan BH difahamkan, beberapa lagi program akademik turut dalam pemerhatian, sama ada digugur atau distruktur semula selaras perubahan pasaran pekerjaan di Malaysia.

Langkah berkenaan juga selari dengan usaha kerajaan yang mahu memastikan lepasan UA mampu memperoleh pekerjaan setimpal dengan kelulusan selepas mereka menamatkan pengajian, selain mengelak pengangguran dalam kalangan siswazah.

Berdasarkan senarai kursus digugurkan yang diperoleh BH, kebanyakan program akademik yang tidak lagi ditawarkan itu adalah berkaitan pengajian sains



JPT perlu memastikan setiap kursus akademik ditawarkan UA di negara ini relevan dengan perkembangan semasa serta peluang pekerjaan selepas pelajar menamatkan pengajian.

Siti Hamisah Tapsir, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi

dan kejuruteraan yang sebelum ini menjadi pilihan pelajar cemerlang.

Antara program kejuruteraan peringkat sarjana muda yang digugurkan adalah kejuruteraan mekanik bagi pengajian reka bentuk produk, kejuruteraan elektrik telekomunikasi dan kejuruteraan elektronik komunikasi.

Bidang pengajian lain termasuk jurusan kimia dan matematik,

EKSKLUSIF

psikologi sukan, keusahawanan dan perdagangan, pendidikan Islam bagi peringkat sekolah serta teknologi kreatif dan animasi.

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir ketika mengesahkan perkara itu kepada BH, berkata pihaknya mengenal pasti kursus pengajian terbabit selepas meneliti perkembangan semasa.

Katanya, JPT perlu memastikan setiap kursus akademik ditawarkan UA di negara ini relevan dengan perkembangan semasa serta peluang pekerjaan selepas pelajar menamatkan pengajian.

"Data analitik hari ini menunjukkan industri memerlukan 20,000 kepakaran yang disalurkan daripada universiti. JPT perlu memastikan setiap siswazah kita memenuhi keperluan yang ditetapkan.

"Kita perlu mendepani Revolusi Industri 4.0 yang sedang melanda. Justeru, ada program akademik perlu diganti dengan program baharu yang harus selari dengan keperluan industri," katanya.

Siti Hamisah berkata, JPT sudah meminta setiap universiti di negara ini untuk mengenal pasti dan seterusnya merekabentuk semula program-program akademik agar sejajar dengan perkembangan industri.

"Kita perlu berbuat demikian kerana program akademik harus selari dengan keadaan semasa. Contohnya, program pengajian komunikasi dan media, kita kena tahu apa perbezaan dalam industri media hari ini dengan industri media pada masa lalu.

"Kursus itu tidak boleh tidak ditawarkan, tetapi kita kena tahu apa perbezaan media hari ini dengan yang lalu. Program-program menyokong perubahan teknologi juga perlu diwujudkan, contohnya berkaitan data analitik dan kecerdasan buatan (AI)," katanya.

Ditanya sama ada pengajian berkaitan sejarah dan sastera masih diperlukan ketika negara melalui perubahan teknologi begitu pesat, beliau berkata, program akademik sedemikian penting bagi pembangunan negara dan masyarakat.

"Tidak semua program yang ada perlu dilihat semula kerana ada pengajian dalam aliran itu yang masih relevan dengan pembangunan negara. Contohnya, pengajian Melayu serta sejarah yang penting untuk semua pihak," katanya.

38 BIDANG PENGAJIAN DIMANSUH

- Universiti Malaya (UM)**
 - Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanik (Reka bentuk Produk)
 - Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar)
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**
 - Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Awam dan Selitaran)
 - Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Pembuatan)
- Universiti Sains Malaysia (USM)**
 - Sarjana Muda Sains (Perumahan, Bangunan dan Perancangan) (Kepujian) (Perancangan Bandar dan Wilayah)
 - Sarjana Muda Sains (Perumahan, Bangunan dan Perancangan) (Kepujian) (Rekabentuk Dalaman)
- Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**
 - Kejuruteraan (Elektrik-Telekomunikasi)
 - Sains Komputer (Komputeran Industri)
- Universiti Putra Malaysia (UPM)**
 - Bachelor Pendidikan (Pendidikan Sekolah Rendah) dengan Kepujian
 - Sarjana Pengurusan Air
- Universiti Teknologi MARA (UiTM)**
 - Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)
 - Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Kepujian) Skrin
- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)**
 - Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Pendidikan) (Kepujian)
 - Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam-Sekolah Rendah) (Kepujian)
- Universiti Utara Malaysia (UUM)**
 - Sarjana Sains (Perbankan Islam)
 - Sarjana Sains (Telenokeshawanan)
- Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)**
 - Sarjana Sains (Kimia)
 - Sarjana Sains (Matematik)
- Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**
 - Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan Kepujian
- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)**
 - Sarjana Muda Sains Sulkan (Psikologi Sulkan) dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Pendidikan (Keusahawanan & Perdagangan) dengan Kepujian
- Universiti Malaysia Kelantan (UMK)**
 - Sarjana Muda Siberologi (Animasi dan Ludologi) dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Reka Bentuk Komunikasi) dengan Kepujian
- Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**
 - Sarjana Sains (Falsafah dan Ketamadunan)
 - Sarjana Sains Kaunseling
- Universiti Malaysia Pahang (UMP)**
 - Sarjana Kejuruteraan (Bio-Proses)
 - Sarjana Kejuruteraan (Kimia)
- Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)**
 - Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Fotoni)
 - Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Rangkaian Komputer)
- Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM)**
 - Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa & Pemacu) dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) dengan Kepujian
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**
 - Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Tekstil Industri) dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi dan Komputer) dengan Kepujian
- Universiti Malaysia Sabah (UMS)**
 - Sarjana Ekonomi (Ekonomi Kewangan)
 - Sarjana Ekonomi (Ekonomi Perancangan dan Pembangunan)
- Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)**
 - Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi Industri)
 - Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Elektronik (Telekomunikasi)

Ibadat & Fadilat

Daripada Abu Hurairah, Nabi Muhammad SAW bersabda: "Ayat paling tepat yang dapat diucapkan oleh seseorang penyair adalah, 'Ingatlah, semua benda rosak dan tidak kekal melainkan Allah' (HR Bukhari & Muslim)"

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:52	1:14	4:23	7:16	8:25
Alor Setar	5:51	1:13	4:22	7:15	8:24
P. Pinang	5:52	1:13	4:21	7:16	8:25
Ipo	5:50	1:11	4:18	7:13	8:22
Kuala Lumpur	5:47	1:09	4:14	7:11	8:20
Shah Alam	5:47	1:09	4:14	7:11	8:20
Johor Bahru	5:39	1:00	4:02	7:02	8:11
Kuantan	5:42	1:03	4:07	7:05	8:14
Seremban	5:46	1:07	4:11	7:09	8:18
Bandar Melaka	5:45	1:06	4:10	7:08	8:17
Kota Bharu	5:49	1:06	4:15	7:08	8:14
K. Terengganu	5:41	1:02	4:10	7:04	8:13
Kota Kinabalu	4:49	12:10	3:19	6:13	7:22
Kuching	5:14	12:35	3:38	6:37	7:46